

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PEPERIKSAAN SEMESTER TAMBAHAN
SIDANG AKADEMIK 1995/96

JUN 1996

FCP 452: Farmasi Klinikal Untuk Perubatan Am

Masa: (3 Jam)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan 10 muka surat yang bertaip.
Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.
Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN: _____

(FCP 452)

Soalan 1

- A. Seorang pesakit yang menerima rawatan kronik prednison 40mg/hari untuk polimiositis telah dimasukkan ke wad disebabkan krisis Addisonian.

Apakah yang dimaksudkan dengan krisis Addisonian dan bagaimana pesakit ini perlu dirawat? Jelaskan kepada pesakit bagaimana krisis ini boleh dielakkan pada masa hadapan.

(10 Markah)

- B. Apakah matlamat terapi definitif penyakit hipertiroidisme? Bincangkan jenis-jenis rawatan definitif penyakit ini.

(10 Markah)

- C. Cadangkan rawatan definitif yang paling sesuai bagi seorang wanita yang hamil 16 minggu yang mengalami keadaan hipertiroidisme. Berikan rasional pemilihan anda.

(5 markah)

...3/-

Soalan 2

MA seorang pelajar lelaki farmasi tahun akhir telah dimasukkan ke wad perubatan setelah didapati pengsan di dalam dewan kuliah.

MA merupakan seorang pesakit diabetes yang telah didiagnoskan di Hospital Besar Pulau Pinang pada tahun 1993. Rakan sebiliknya memberitahu MA sering mengalami pitam-pitam terutamanya tengahari kerana beliau sering tidak mengambil sarapan.

Pemeriksaan fizikal menunjukkan BP = 110/90 mmHg, P = 120/min, RR = 32/min, dan T = 37°C. Badannya sejuk, berpeluh dan pucat.

Laporan makmal masih belum diperolehi.

- A. Berikan jenis diabetis yang dihidapi oleh MA dan punca pengsan yang menyebabkan beliau dimasukkan ke hospital?

(5 Markah)

Sejarah rawatan MA menunjukkan beliau menerima rawatan insulin terlarut 10 IU pagi dan 5 IU petang dan NPH 10 IU pagi dan 5 IU petang.

- B. Cadangkan rawatan kecemasan yang perlu diberikan kepada MA semasa kemasukan ke hospital.

(5 Markah)

...4/-

(FCP 452)

C. Cadangkan rawatan pengendalian untuk MA.

(5 Markah)

D. Berikan nasihat yang sesuai untuk MA bagi mengelakkan masalah yang sama berulang.

(5 Markah)

E. Berikan kesan-kesan sampingan utama rawatan pengendalian MA.

(5 Markah)

...5/-

Soalan 3

Senaraikan kelas-kelas utama drug yang digunakan dalam terapi penyakit-penyakit di bawah. Untuk tiap-tiap satu kelas, berikan satu contoh drug dan bincangkan penggunaannya dalam terapi. Perbincangan hendaklah meliputi mekanisme tindak balas, keberkesanan, kesan advers dan peranannya dalam terapi berbanding dengan drug lain.

A. Penyakit Parkinson.

B. Miastenia gravis

(25 Markah)

...6/-

Soalan 4

J.R seorang pesakit lelaki berbangsa India telah dimasukkan ke wad perubatan kerana kesesakan nafas yang teruk. Pemeriksaan Encik J.R sewaktu kemasukkan memberikan data-data berikut:

BB = 65 kg, tinggi = 5 kaki 6 inci, umur = 55 tahun

Tanda Vital :
BP 140/85 mmHg, PR = 110, RR = 32

Kedadaan: pesakit kelihatan letih, sesak nafas dan distres akut.

CVS = S₁, S₂ dan tiada desiran

DADA = SOB, ↓ A/E bilateral dan berwiz serta pengecutan otot pernafasan yang kuat.

Pemeriksaan lain adalah dalam julat normal.

Data makmal:

| | | | |
|----------|------------------|---|-----------|
| Stat ABG | : pH | = | 7.35 |
| | pCO ₂ | = | 65 mmHg |
| | pO ₂ | = | 80 mmHg |
| | HCO ₃ | = | 20 mMol/L |

| | | | |
|-----|----------------------|---|-----|
| PFT | : FEV _{1.0} | = | 0.5 |
|-----|----------------------|---|-----|

| | |
|------------------------------|-------------------------------|
| Na ⁺ = 135 mMol/L | : K ⁺ = 4.0 mMol/L |
|------------------------------|-------------------------------|

J.R didapati mengalami masalah penerukan akut COPD.

- A. Apakah maklumat sejarah pengubatan yang anda ingin dapatkan daripada Encik J.R.

(5 Markah)

...7/-

- B. Bincangkan dan cadangkan bagaimana J.R perlu dirawat untuk masalah akutnya.

(10 Markah)

- C. Bincangkan bagaimana anda akan memberikan kaunseling untuk J.R sewaktu discaj.

(10 Markah)

Soalan 5

- A. Bincangkan secara ringkas berkenaan ubat kumpulan Perencat Enzim Penukar Angiotensin dari segi farmakologi, kegunaan dan komplikasinya.

- B. Nyatakan komplikasi-komplikasi akibat kegagalan renal kronik.

- C. Bincangkan secara ringkas penggunaan vitamin D pada pesakit kegagalan renal yang teruk (end-stage).

(25 Markah)

...8/-

Appendix
Normal Laboratory Values

| | | | | |
|-----|----------------------|--------------------|----|-----------------------------------|
| 1. | Ammonia | 80 - 110 mcg/dl | or | 47-65 $\mu\text{mol/L}$ |
| 2. | Amilase | 4-25 IU/ml | | |
| 3. | Billirubin | | | 0-3 $\mu\text{mol/L}$ |
| | - Direct | 0 - 0.2 mg/dl | | |
| | - Indirect | 0.2 - 0.8 mg/dl | | 30 - 14 $\mu\text{mol/L}$ |
| | - Total | 0.2 - 1 mg/dl | | 30 - 17 $\mu\text{mol/L}$ |
| 4. | CO ₂ | 20 - 30 mEq/L | | 24 - 30 mMol/L |
| 5. | pCO ₂ | 35 45 mmHg | | |
| 6. | Cl | 100 - 106 mEq/L | | 100 - 106 mMol/L |
| 7. | Cpk | 50 - 170 U/L | | |
| 8. | Creatinine (Scr) | 0.6 - 1.5 mg/dl | | 60 - 130 $\mu\text{mol/L}$ |
| 9. | Random blood sugar | 70 - 110 mg/dl | | 3 - 10 $\mu\text{mol/L}$ |
| 10. | Iron | 50 - 150 mcg/dl | | 9.0 - 26.9 $\mu\text{mol/L}$ |
| 11. | Lactic dehydrogenase | 70 - 210 IU/L | | |
| 12. | Magnesium | 1.5 - 2.0 mEq/L | | 0.8 - 1.3 mMol/L |
| 13. | pO ₂ | 75 - 100 mmHg | | |
| 14. | pH | 7.35 - 7.45 | | |
| 15. | Acid phosphatase | | | |
| | Male | 0.13 - 0.63 IU/ml | | 36 - 176 nmol s ⁻¹ /L |
| | Female | 0.101 - 0.65 IU/ml | | 2.8 - 156 nmol s ⁻¹ /L |
| 16. | Alkaline phosphatase | 39 - 117 IU/L | | |
| 17. | Phosphorous | 3.0 - 4.5 mg/dl | | 1.0 - 1.5 mMol/L |

...9/-

| | | | |
|-----|--|--|----------------------------------|
| 18. | Potassium (K ⁺) | 3.5 - 5.0 mEq/L | 3.5 - 5.0 mMol/L |
| 19. | Calcium (Ca ²⁺) | 8.5 - 10.5 mg/dl | 2.1 - 2.6 mMol/L |
| 20. | Sodium (Na ⁺) | 135 - 145mEq/L | 135 - 145 mMol/L |
| 21. | Bicarbonate (HCO ₃ ⁻) | 24 - 38 mEq/L | 24 - 28 mMol/L |
| 22. | Protein | | |
| - | Total | 6.0 - 8.5 g/dl | 60 - 85 g/L |
| - | Albumin | 3.5 - 5.0 g/dl | 35 - 50 g/L |
| - | Globulin | 2.3 - 3.5 g/dl | 23 - 35 g/L |
| - | Transferrin | 200 - 400 mg/dl | 2.0 - 9.0 g/L |
| 23. | Transaminase (SGOT) | 0 - 40 IU/L | 0 - 0.32 μmol s ⁻¹ /L |
| 24. | BUN | 8 - 25 mg/dl | 2.9 - 8.9 mMol/L |
| 25. | Uric Acid | 3 - 7 mg/dl | 0.18 - 0.42 mMol/L |
| 26. | Blood Pictures | | |
| | Red blood cell (RBC) | | |
| | Male | 4.8 - 6.4 x 10 ⁶ /mm ³ | |
| | Female | 4.2 - 5.4 x 10 ⁶ /mm ³ | |

| | | | |
|-----|-----------------------------|--------|---|
| | White blood cell (WBC) | | 4.0 - 11.0 x 10 ³ /mm ³ |
| | P | | 60 - 75% |
| | L | | 20 - 40% |
| | M | | 4 - 8% |
| | B | | 0 - 1% |
| | E | | 1 - 3% |
| | Platelate (Plt) | | 200 - 400 x 10 ³ /mm ³ |
| 27. | ESR | Male | 0 - 10 mm/jam (Wintrobe) |
| | | Female | 0 - 15 mm/jam (Wintrobe) |
| 28. | Hematocrit | Male | 45 - 52% |
| | | Female | 37 - 48% |
| 29. | Hemoglobin (Hgb) | Male | 13 - 18 g/dl |
| | | Female | 12 - 16 g/dl |
| 30. | Prothrombin time (PT) | | 75 - 100% nilai asas |
| 31. | APTT | | 25 - 37 saat |
| 32. | Creatinine Clearance (CrCl) | | 105 - 150 ml/min/1.73 m ² |
| 33. | TT ₄ | | 3.0 - 7.5 mcg/dl |
| 34. | RT ₃ U | | 25 - 35% |
| 35. | FTI | | 1.3 - 4.2 |

- oooOoooo -